

**#Nothing2Hide: Tun M hanya hadir untuk 'hentam' Najib - Salleh**  
**Astro Awani**  
**6 Jun 2015**  
**By T K Letchumy Tamboo**

**KUALA LUMPUR:** Tun Dr Mahathir Mohamad hanya hadir ke majlis Dialog '#Nothing2Hide' Datuk Seri Najib Razak bersama badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk "hentam" Perdana Menteri, kata Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah itu berpendapat, Dr Mahathir tidak kisah tentang penjelasan Najib kerana beliau sudah memutuskan untuk tidak menerima apa-apa penjelasan Perdana Menteri itu.

"Malah, tujuan utama Tun Mahathir hadir adalah untuk 'hentam' Najib.

"Dr Mahathir telah merendahkan dirinya dari tahap seorang negarawan ke tahap orang yang bertengkar di jalanan. Dan ini adalah yang perkara yang paling malang. Apa yang lebih malang ialah Dr Mahathir menjangka Perdana Menteri juga akan turun ke tahap ini," kata Salleh di dalam blognya hari ini.

Beliau berkata beliau lega kerana majlis tersebut telah dibatalkan, dan dialog yang bakal bertukar menjadi pergaduhan awam antara Najib dan Dr Mahathir, adalah satu idea yang buruk.

"Pertama sekali, saya melihat tiada apa-apa kebaikan dalam pergaduhan seperti ini. Tiada pemenang dan tiada yang kalah dalam sesuatu seperti ini. Saya masih ingat ketika perbahasan awam di antara Pemuda PKR dan Pemuda UMNO, juga di PWTC, ia telah menjadi perlawanan mengejek dengan kedua-dua pihak mendakwa mereka memenangi debat tersebut.

"Apa yang akan berlaku adalah maruah pendebat akan direndahkan dan orang ramai hanya berminat untuk melihat pergaduhan, tidak berminat langsung tentang fakta yang pendebat ingin berhujah.

"Ini adalah apa yang akan berlaku pada hari ini. Tiada siapa berminat dengan apa yang Perdana Menteri katakan. Apa yang mereka mahu melihat adalah untuk Dr Mahathir hentam Najib di khalayak ramai," kata Salleh.

Tambahnya, ia adalah suatu idea yang baik Najib tidak hadir ke majlis tersebut.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/nothing2hide-tun-m-hanya-hadir-untuk-hentam-najib-salleh-61780>